

05/05/1999

Mahathir wajar dedah kroni bekas timbalan

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri wajar mendedahkan semua nama kroni Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memiliki begitu banyak harta bagi menyedarkan penyokong Anwar yang selama ini menganggap bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak pernah melakukan kesilapan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Nazri Aziz, berkata Perdana Menteri perlu membangkitkan semula isu berkenaan kerana ia ditimbulkan sendiri oleh penyokong Anwar apabila mengeluarkan senarai pemilikan harta pemimpin tertentu Umno dalam Internet.

"Saya setuju sekiranya kita dedahkan nama pemimpin terbabit kerana dalam banyak hal bekas Timbalan Perdana Menteri itu banyak melakukan perkara yang boleh dianggap kronisme.

"Saya rasa Perdana Menteri tidak akan menyatakan perkara itu sekiranya beliau tidak ada bukti kukuh.

"Bagi saya, pendedahan ini perlu kerana orang Anwar fikir Anwar tidak boleh lakukan kesilapan langsung," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam bahawa kerajaan sedang mengkaji bentuk tindakan yang boleh dikenakan ke atas seorang pemimpin Umno yang mengumpul kekayaan bernilai RM230 juta hasil kedudukannya sebagai kroni Anwar. Dr Mahathir bagaimanapun enggan menamakan pemimpin itu.

Nazri berkata kroni Anwar tidak perlu bimbang jika mereka tidak menggunakan kedudukan masing-masing untuk mengumpul kekayaan.

"Kalau dia nak rasa bimbang atau takut, itu dia punya pasal ... dia yang mulakan.

"Sekiranya kita terus mendiamkan diri seolah-olah kita hendak menyembunyikan sesuatu dan saya fikir kita tidak ada apa-apa yang perlu disembunyikan. Kerana itu saya menyokong cadangan supaya nama pemimpin itu didedahkan," katanya.

Mengenai perisytiharan harta pemimpin kepada Perdana Menteri yang sepatutnya dirahsiakan, Nazri berkata: "Kerahsiaan itu terpulang pada Perdana Menteri kerana beliau berhak untuk merahsia atau mendedahkannya."

Beliau bagaimanapun menolak cadangan ketua pembangkang, Lim Kit Siang supaya Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyiasat isu rasuah, kronisme dan nepotisme yang membabitkan pucuk pimpinan politik tertinggi.

Kit Siang ketika ditemui juga meminta Perdana Menteri bersikap adil dalam tindakan beliau mendedahkan nama pemimpin politik yang mengumpul harta begitu banyak.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Afiffuddin Omar, menegaskan beliau bukan kroni Anwar dan tidak pernah menerima sebarang konsesi saham atau projek.

Menurutnya, beliau juga tidak bimbang sekiranya ada pihak ingin mendedahkan jumlah harta yang dimilikinya kerana harta itu diperolehi hasil titik peluhnya sendiri.

"Saya bukan kroni. Saya menyokong seseorang berasaskan prinsip dan kepercayaan saya, bukan kerana diupah ... saya tidak pernah diupah.

"Saya tidak menerima apa-apa pemberian dalam perniagaan daripada Datuk Seri Dr Mahathir atau Anwar. Apa yang saya ada dalam perniagaan ialah apa yang saya lakukan sendiri.

"Jika mereka ingin mendedahkan nama saya, dedahlah, kita tak ada apa. Semua syarikat saya punya, sebelum saya jadi timbalan menteri. Itu hak

saya, saya buat sendiri, saya cari sendiri, tidak pernah saya minta apa-apa daripada Anwar," katanya.

Affifuddin yang sebelum ini menjadi Timbalan Menteri Kewangan, berkata dulu beliau menjadi pengerusi syarikat berasaskan jawatannya sebagai pengerusi Bank Rakyat.

"Jika Bank Rakyat mempunyai saham dalam sesuatu syarikat, saya hanya menjadi pengerusinya. Jika kerajaan ada memberi projek kepada syarikat yang saya pengerusikan, projek itu diberi kepada syarikat itu," katanya.

(END)